

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 21.5.2015

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai sasaran khusus berkenaan penempatan siswazah dalam pasaran pekerjaan tempatan selepas menamatkan pengajian dan apakah langkah proaktif yang telah dirangka bagi meningkatkan jumlah siswazah berstatus bekerja sebelum majlis konvokesyen mereka dilangsungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa inisiatif utama telah dikenal pasti dalam Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), iaitu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Graduan di Malaysia perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar, bukan sahaja melengkapkan mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, malah memperkasa daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baharu. Justeru, hal ini penting untuk graduan beralih daripada pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan.

Bagi melahirkan graduan berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran dan membantu graduan mendapat pekerjaan, KPM telah melaksanakan beberapa usaha, antaranya ialah:

- i. menjalankan program 'Profesional *Certificatio*' untuk pelajar tahun akhir dan mendapat sijil yang diiktiraf badan bertauliah dan profesional.
- ii. menjalankan program 'Skills – Based' melibatkan sangkutan dengan industri dalam bidang yang memerlukan latihan kemahiran yang tinggi dan *hands-on* terutama bagi *high-end industry*;
- iii. menjalankan program 'Professional Conversion' bagi membantu pelajar semester/tahun akhir/graduan untuk *re-skill* dan memberikan pengetahuan/kompetensi bagi membolehkan mendapat pengalaman sebenar di dalam industri;
- iv. menjalankan program kerjasama dengan lima (5) Koridor Wilayah Ekonomi merangkumi program 'Professional Certification', Program 'Skills – Based' dan/atau Program 'Professional Conversion'; dan
- v. menjalankan program 'Polishing Attitude/Values' dalam menambah nilai dan sahsiah diri pelajar tahun akhir/graduan yang menekankan nilai kesetiaan, etika kerja, pembangunan kerjaya, kemahiran bahasa, kemahiran komunikasi dan lain-lain.
- vi. mengadakan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) yang mengintegrasikan dan menggembelng kerjaya dan keusahawanan dalam kalangan graduan; dan
- vii. menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan perniagaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan SME Corporation Malaysia bagi menyokong pelaksanaan program keusahawanan untuk memupuk minat, membudayakan dan membentuk siswazah menjadi usahawan.